

## **Peralihan Bahasa Cham dalam kalangan Masyarakat Cham di Malaysia: Analisis Sociolinguistik**

### **ABSTRAK**

Peralihan bahasa merupakan satu keadaan apabila masyarakat berubah kepada penggunaan bahasa lain yang lebih dominan sehingga bahasa ibunda yang biasa digunakan gagal dipertahankan. Isu peralihan bahasa kerap berlaku dalam kalangan masyarakat minoriti. Isu ini diketengahkan kerana dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat perubahan yang jelas dari aspek penggunaan bahasa apabila masyarakat Cham berhijrah sehingga membawa kepada peralihan bahasa. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan bahasa Cham berdasarkan analisis domain dan teori mobiliti sosial. Penggunaan bahasa Cham dikaji dalam tiga domain, iaitu domain kekeluargaan, kejiwaan dan pekerjaan. Kawasan kajian adalah di persempadanan Perak-Pulau Pinang-Kedah yang merupakan kawasan pertumbuhan sosioekonomi utara. Responden yang terlibat adalah seramai 135 orang dan berumur dalam lingkungan umur 12-69 tahun. Data diperolehi melalui kerja lapangan secara soal selidik dan temu bual tidak langsung dan dianalisis secara deskriptif peratusan dan Ujian-t sampel bebas. Dapatan menunjukkan bahawa perbezaan skor penggunaan bahasa antara generasi dalam ketiga-tiga domain adalah signifikan secara statistik. Kajian ini merumuskan bahawa penggunaan bahasa Cham semakin merosot terutamanya oleh generasi kedua dan menuju peralihan bahasa kepada bahasa Melayu. Faktor mobiliti sosial memainkan peranan terhadap peralihan tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada kajian-kajian pengekalan dan peralihan bahasa minoriti dengan lebih mendalam memandangkan isu peralihan bahasa merupakan isu yang diberi penekanan penting oleh UNESCO melalui program bahasa-bahasa terancam dunia.

**Kata Kunci:** peralihan bahasa; domain; bahasa Cham; generasi; mobiliti sosial

### **Language Shift among the Malaysian Cham Community: A Sociolinguistic Analysis**

#### **ABSTRACT**

Language shift is a situation when society turns to the use of more dominant language up until the common language of the mother tongue cannot be maintain. Language shift issues often occur among minorities. This issue is highlighted because the findings of the previous study indicate that there is a clear change in change in the language use when the Cham people emigrate thus leading to language transitions. This study aims to investigate the use of Cham language based on domain analysis and social mobility theory. The use of Cham language is studied in family domains, neighbourhoods and occupations. The study was conducted in the area of Perak-Pulau Pinang-Kedah boundary which is a northern socio-economic growth area. The respondents involved were 135 persons and were aged within 12-69 years old. The data were obtained through field work using questionnaire and indirect interview and analysed by percentage and independent sample t-test. Findings showed that the difference in language use score between generations in the three domains is statistically significant. This study concludes that the use of Cham language is decreasing mainly by the second generation and leads to the language shift into Malay. Social mobility factors play a role in this language shift. The findings of this study are expected to contribute to the study of language shift and maintenance of minority languages with more profoundly in view of language shift is an issue that is emphasized by UNESCO through the threatened language programs.

**Keywords:** language shift; domain; Cham language; generation; social mobility

## **PENGENALAN**

Peralihan bahasa merujuk keadaan apabila masyarakat berubah kepada penggunaan bahasa lain yang lebih dominan sehingga bahasa ibunda yang biasa digunakan gagal dipertahankan atau diamalkan (Fasold 1984; Kedrebeogo 1995; Cowell 2016; Weinreich 1953). Menurut Baker (2011), peralihan bahasa ialah pergerakan bahasa ke bawah, iaitu terdapat pengurangan jumlah penutur bahasa, penurunan ketepuan penutur bahasa dalam populasi, kehilangan kemahiran bahasa, dan bahasa tidak digunakan dalam kebanyakan domain.

Pada kebiasaannya, peralihan bahasa berlaku dalam kalangan kelompok minoriti khususnya yang melibatkan golongan penghijrah apabila generasi pertama kebiasaannya monolingual bahasa ibunda, generasi kedua menjadi bilingual bahasa ibunda dan bahasa tempatan dan generasi ketiga kebiasaannya akan beralih kepada bahasa tempatan sepenuhnya (Fishman 1989; Haugen 1972). Menurut Baker (2001), penghijrahan keluar dari kawasan asal ke kawasan geografi tertentu akibat perubahan politik atau untuk meningkatkan kualiti hidup melalui pekerjaan dan pendidikan boleh menyebabkan penggunaan bahasa minoriti menjadi merosot dan kelihatan lebih berisiko. Hal ini disebabkan oleh masyarakat minoriti yang berpindah ke tempat lain perlu mempelajari bahasa kumpulan yang dominan yang digunakan secara meluas dan formal bagi memenuhi tuntutan komunikasi, urusan harian, pekerjaan dan dikaitkan sebagai kejayaan status (Asmah 2008; Holmes 2008; Ostler 2011; Paulston 1994; Saidah 2009; Weinreich 1953). Paulston (1994) merujuk situasi yang dikemukakan Baker (2011) sebagai mobiliti sosial. Mobiliti sosial ialah perubahan status sosial atau apa-apa pergerakan atau perubahan sosioekonomi dalam diri seseorang atau masyarakat yang didorong oleh stratifikasi sosial yang berkaitan dengan pendapatan, keselamatan, dan peluang untuk kemajuan (Aldridge 2001; Bilton et.al 1996; Horton & Hunt 1984; Marger 2006). Paulston (1994) beranggapan mobiliti sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penggunaan bahasa. Paulston meletakkan empat faktor mobiliti sosial, iaitu keetnikan (ciri-ciri etnik yang dikongsi bersama), perubahan etnik, nasionalisme etnik dan nasionalisme tempat sebagai faktor yang dapat mempengaruhi peralihan dan pengekalan bahasa.

Kajian ini melibatkan bahasa dan masyarakat Cham sebagai subjek kajian. Bahasa dan masyarakat Cham diketengahkan ekoran terdapat perubahan yang jelas dalam kehidupan masyarakat Cham terutama dari segi penggunaan bahasa apabila berhijrah dari tanah leluhur sehingga membawa kepada pengalihan bahasa (Kok-Thay Eng 2013; Farina So 2013).

## MASYARAKAT CHAM

Masyarakat Cham dalam konteks kajian ini merupakan orang keturunan Cham Kemboja dan Cham Vietnam yang berhujrah ke Malaysia pada tahun-tahun 1970-an ekoran pergolakan politik di Indochina (Tze-Ken 2008; Siti Nor 2010). Dari segi sejarah, orang Cham merupakan kumpulan etnik dari rumpun Melayu-Polinesia atau Austronesia yang membentuk kerajaan Champa sekitar abad ke-7 hingga 15 Masihi. Selepas kejatuhan kerajaan Champa kepada Viet, orang Cham bertebaran di sekitar selatan Vietnam dan Kemboja khususnya di Lembah Mekong (Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa & Farid Mat Zain 2009; Kirchner 2015; Siti Nor & Rahilah 2011; Mohamad Zain 1992).

Di Kemboja, orang Cham mewakili kumpulan etnik minoriti yang terbesar berbanding etnik minoriti yang lain. Sebagai rakyat Kemboja tetapi beragama Islam, kerajaan Kemboja pada tahun 1950-an dan tahun 1960-an telah menetapkan mereka secara rasmi digelar sebagai Khmer Islam. Dasar satu bangsa diteruskan pula oleh Khmer-Rouge (1975 – 1979). Asimilasi paksa Khmer-Rouge cuba menghapuskan identiti Cham dengan menetapkan hanya ada satu bangsa dan satu bahasa, iaitu Khmer. *“There is one Cambodian revolution. In Cambodia there is one nation, and one language, the Khmer language. From now on the various nationalities [listed according to province] do not exist any longer in Cambodia. Therefore [Cham] individuals must change their names by taking new ones similar to Khmer names. The Cham mentality [Cham nationality, language, costume, habits and religion] are abolished. Those who do not abide by this order will reap all consequences”* (Minority Rights Group 1995, hlm. 11). Dasar ini secara tidak langsung memberi kesan kepada bahasa Cham apabila bahasa Khmer mengambil alih sebahagian daripada fungsi bahasa Cham. Desakan dasar ini dilihat sebagai satu faktor yang membawa penghijrahan besar-besaran masyarakat Cham ke Malaysia. Walaupun Vietnam juga terlibat dalam pergolakan politik di Indochina, namun etnik Cham Islam yang berhijrah tidak banyak berbanding yang berasal dari Kemboja.

Di Malaysia, masyarakat Cham lebih dikenali sebagai ‘orang Kemboja’ berdasarkan negara asal mereka, iaitu Kemboja. Walaupun ada yang datang dari Vietnam, kumpulan ini adalah amat sedikit. Sebagai pelarian politik, mereka pada awalnya dikenali sebagai Pelarian Islam Kemboja (PIK). Kerajaan Malaysia melalui PERKIM bertanggungjawab menguruskan kebajikan PIK dengan diselia oleh UNCHR. Terdapat dua kelompok PIK, iaitu kelompok yang masuk melalui jalan darat dan kelompok yang masuk melalui jalan laut. Kedua-dua kelompok ini menuju ke Kelantan. Melalui darat, petempatan awal PIK adalah di Kem Khoa Ai Dang Thailand sebelum dibawa melepasi Sungai Golok ke Rantau Panjang seterusnya ke Kem Kemumin Pangkalan Chepa. Kelompok yang masuk melalui laut terus ke Tumpat/ Pangkalan Kubor dan dibawa ke Kem Kemumin Pangkalan Chepa. PIK kemudiannya ditempatkan di Kem Cherating Pahang sebelum diberi kebenaran bekerja oleh Kerajaan Malaysia sehingga mendapat kerakyatan. Masyarakat Cham Malaysia dalam konteks kajian ini merupakan generasi pertama dan kedua PIK.

Bahasa ibunda orang-orang Cham ialah bahasa Cham. Bahasa Cham tergolong dalam subkeluarga bahasa *Chamic* dari keluarga Melayu-Polinesia Barat dalam rumpun Austronesia. Bahasa Cham dituturkan di Tanah Besar Asia Tenggara (Kaori Ueki 2011). Pada awalnya bahasa Cham berkembang sebagai bahasa kerajaan Champa tetapi kini telah terbentuk kepada dua dialek, iaitu dialek Cham Timur yang banyak dituturkan di Vietnam dan dialek Cham Barat di Kemboja. Fungsi kedua-dua dialek ini secara beransur-ansur diambil alih oleh bahasa Khmer di Kemboja dan bahasa Vietnam di Vietnam (Westphal 2012). Sebagai satu daripada keluarga Melayu-Polinesia Barat, bahasa Cham mempunyai kaitan yang rapat dengan bahasa Melayu (Adelaar 2005; Kok-Thay Eng 2013; Brunelle 2008).

## **SOROTAN LITERATUR**

Penggunaan bahasa ibunda dalam masyarakat bilingual cenderung menurun atau merosot apabila bahasa ibunda tersebut memiliki fungsi yang sangat sedikit sehingga jarang digunakan manakala bahasa kedua yang lebih dominan akan mengambil alih fungsi tersebut. Lama-kelamaan penutur bahasa ibunda sedikit demi sedikit melupakan bahasanya dan beralih kepada bahasa dominan. Situasi peralihan bahasa ini sering dibuktikan dalam konteks golongan yang berhijrah di kebanyakan tempat di seluruh dunia terutamanya oleh generasi

muda yang berhadapan dengan proses perubahan daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lain dalam masyarakat (Potowski 2013; Nor Hayati 2011).

Kajian lepas mengenai masyarakat Cham turut menyentuh aspek penggunaan bahasa ibunda sebagai satu daripada subperbincangan (Siti Nor 2010; Fatimah, Mohamad Zain dan Farid 2009; Kok-Thay Eng 2013; Farina So 2012; Can D. Quang 2012). Kajian Siti Nor (2010) dan Fatimah, Mohamad Zain dan Farid (2009) mendapati berlaku kemerosotan fungsi bahasa Cham di kawasan kajian mereka. Siti Nor (2010) mendapati kebanyakan keluarga Cham merupakan penutur dwibahasa, iaitu bahasa Khmer dan bahasa Melayu. Daripada 80 keluarga yang dikaji, dua keluarga menggunakan campuran bahasa Cham-Khmer, dan hanya satu keluarga yang menggunakan bahasa Cham sepenuhnya. Situasi tersebut menunjukkan bahasa Cham tidak dominan dan kurang berfungsi dalam kekeluargaan Cham. Kajian Fatimah, Mohamad Zain dan Farid (2009) pula mendapati tidak berlaku transmisi bahasa. Generasi tua Cham tidak menggunakan bahasa Cham dengan anak-anak, malah generasi muda lebih fasih bertutur dalam bahasa Melayu dialek Kelantan. Ada juga generasi tua yang menggalakkan generasi muda untuk menguasai bahasa Cina bagi tujuan ekonomi. Dapatan ini membuktikan penggunaan bahasa Cham bukanlah pilihan utama.

Kemerosotan fungsi bahasa Cham juga berlaku di Kemboja dan Vietnam. Kajian Kok-Thay Eng (2013) mendapati majoriti masyarakat Cham Battambang tidak menggunakan bahasa Cham dan beralih kepada bahasa Khmer. Temu bual yang dilakukannya terhadap generasi tua mendapati penghijrahan masyarakat Cham 200 tahun sebelum rejim Khmer-Rouge ke petempatan Khmer di Battambang dari wilayah Kampong Cham dan Vietnam menyukarkan transmisi bahasa Cham kepada generasi muda. Oleh itu, bahasa Cham tidak digunakan sehingga pupus di Battambang. Kok-Thay Eng juga mendapati generasi muda berpendidikan tinggi dalam kalangan masyarakat Cham yang berhijrah ke Battambang selepas era Khmer-Rouge pula, menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan bahasa Arab sebagai bahasa kedua bagi memenuhi tuntutan pekerjaan di pasaran terbuka Kemboja dan negara Teluk. Mereka beranggapan penggunaan bahasa Cham tidak membawa faedah ekonomi sebaliknya hanya bertujuan untuk mengekalkan identiti Cham. Kajian Kok-Thay Eng (2013) mendapati bahasa Cham hanya digunakan di luar bandar wilayah Kampong Cham dalam perbualan tidak formal sesama masyarakat. Di pasar, tempat kerja, dan sekolah, fungsi bahasa Cham diambil alih oleh bahasa Khmer. Hal ini kerana generasi muda Cham di

bandar mendapati bahasa Cham tidak ada nilai ekonomi dan sukar dipelajari. Oleh itu, bahasa Cham tidak digunakan. Dapatan Kok-Thay Eng turut disokong oleh Kirchner (2015).

Di Thailand, kajian Farina So (2013) mendapati masyarakat Islam Cham Thailand berhadapan dengan cabaran mempertahankan identiti etnik khususnya dalam mempertahankan bahasa Cham. Walaupun rumah merupakan benteng akhir pemertahanan bahasa ibunda, namun kajiannya mendapati masyarakat Islam Cham Thailand jarang menggunakan bahasa Cham di rumah. Walaupun golongan tua masih mengetahui beberapa perkataan Cham, tetapi perkataan-perkataan tersebut jarang digunakan kepada generasi muda. Kajiannya mendapati bahasa Thai digunakan dengan lancar di kedua-dua domain rumah dan awam. Malah adalah sukar untuk mencari mana-mana orang Cham yang berpengetahuan tentang bahasa Cham. Dapatan Farina So telah menyokong Scupin (1989) yang turut mendapati keturunan Cham di Bangkok tidak tahu berbahasa Cham sebaliknya menganggap bahasa Thai ialah bahasa ibunda mereka. Peralihan bahasa Cham kepada bahasa Thai ini didorong oleh dasar nasionalis Thai kepada semua warganya.

Di Vietnam, kajian Can D. Quang (2012) mendapati penggunaan bahasa Cham di Phu Yen dan Khanh Hoa telah merosot seiring dengan kemerosotan jumlah penutur. Di kedua-dua kawasan ini, bahasa Vietnam mengambil alih fungsi bahasa Cham. Di Ninh Thuan generasi muda cenderung menggunakan lebih banyak bahasa Vietnam dalam domain harian mereka walaupun sesama Cham. Can D. Quang juga mendapati beberapa kanak-kanak Cham di Phanrang Thap Cham City lebih selesa dan yakin berbahasa Vietnam serta mencapai kebolehan berbahasa penutur jati. Walaupun generasi muda memahami bahasa Cham, tetapi bahasa Cham tidak digunakan dalam komunikasi harian mereka. Hal ini menunjukkan telah berlaku peralihan bahasa Cham kepada bahasa Vietnam.

Kajian Kok-Thay Eng (2013), Farina So (2013), Siti Nor (2010) dan Fatimah, Mohamad Zain dan Farid (2009) menunjukkan peralihan bahasa berlaku apabila masyarakat Cham berhijrah ke tempat baru. Manakala Can D. Quang (2012) mengambil kira faktor jumlah penutur. Namun demikian kajian-kajian tersebut tidak menggunakan pendekatan sosiolinguistik sebagai dasar kajian. Kok-Thay Eng (2013), Farina So (2013), Siti Nor (2010) dan Fatimah, Mohamad Zain dan Farid (2009) menggunakan pendekatan antropologi-sosiologi dengan menumpukan kajian mereka kepada struktur sosial dan identiti Cham selepas berhijrah. Manakala Can D. Quang (2012) pula menggunakan pendekatan

instruksional bahasa untuk melihat peranan pendidikan dalam usaha pemuliharaan bahasa Cham. Lanjutan daripada kajian-kajian tersebut, aspek peralihan bahasa menjadi fokus kajian ini dengan menggunakan pendekatan sosiolinguistik. Sehubungan dengan itu, analisis domain yang dipelopori oleh Fishman (1972) digunakan dalam kajian ini memandangkan aspek penggunaan bahasa dalam kepelbagaian domain penggunaan bahasa bukanlah fokus pengkaji lepas. Analisis domain digunakan kerana analisis domain dianggap sebagai satu cara yang sesuai untuk memahami situasi yang mempengaruhi penggunaan bahasa (Azlan 2010). Oleh itu, soal selidik domain penggunaan bahasa digunakan sebagai alat pengumpulan data yang utama di samping temu bual tidak langsung. Soal selidik digunakan memandangkan pengkaji lepas menggunakan data temu bual dan pemerhatian sebagai sumber data utama dan data kedua pula daripada sumber dokumen. Hanya Can D. Quang (2012) turut menggunakan soal selidik tetapi soal selidiknya adalah berkaitan pengajaran bahasa ibunda dan tulisan Cham. Kok-Thay Eng (2013), Siti Nor (2010) dan Fatimah, Mohamad Zain dan Farid (2009) melihat faktor keperluan ekonomi, manakala Farina So (2013) menyatakan faktor dasar kerajaan dan Can D. Quang (2012) membincangkan kekurangan jumlah penutur sebagai punca kemerosotan fungsi bahasa Cham. Dapatan kajian lepas tentang faktor peralihan bahasa dilihat sebagai menyokong Baker (2001) yang menyatakan bahawa perubahan politik, sosial-demografi, budaya dan peningkatan kualiti hidup akan menyebabkan peralihan bahasa, namun tidak mengaitkannya dengan empat aspek mobiliti sosial. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba mengaitkan aspek mobiliti sosial yang diperkenalkan oleh Paulston (1994) untuk menganalisis faktor peralihan bahasa.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian bermula dengan andaian bahawa masyarakat Cham di Malaysia telah menunjukkan kemerosotan penggunaan bahasa warisannya dan berlaku peralihan bahasa kepada bahasa Melayu tetapi bukan pada skala yang menyeluruh yang melibatkan semua peringkat generasi. Terdapat perubahan yang jelas dari segi fungsi bahasa Cham yang semakin merosot terutamanya dalam kehidupan generasi muda. Oleh itu, berdasarkan andaian tersebut, dua tujuan kajian ini adalah untuk:


1. mengenal pasti tahap penggunaan bahasa Cham kalangan masyarakat Cham di lembah hilir Sungai Kerian dalam domain kekeluargaan, kejiwaan dan pekerjaan,
2. merumuskan penggunaan bahasa Cham berdasarkan faktor mobiliti sosial.

Bagi tujuan ini, kajian ini mengemukakan andaian bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min penggunaan bahasa Cham dalam domain kekeluargaan, keijiran dan pekerjaan berdasarkan generasi.

## KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian terletak di lembah hilir Sungai Kerian yang merangkumi tiga daerah, iaitu Kerian (Perak), Seberang Perai Selatan (Pulau Pinang), dan Bandar Baharu (Kedah). Pusat tumpuan utama kawasan ini terletak di Parit Buntar. Bandar ini berkongsi sempadan dengan Nibong Tebal, Pulau Pinang dan Bandar Baharu, Kedah. Oleh itu, masyarakat Cham di sini sama ada dari Kampung Sungai Kechil dan Taman Harapan di Nibong Tebal atau di Taman Kerian Parit Buntar lebih dikenali sebagai ‘orang Kemboja Parit Buntar’.

Peta 1 menunjukkan kawasan kajian ini yang meliputi kawasan dalam segitiga berkeluasan lebih kurang 18 km persegi.



Peta 1: Kawasan Kajian

Kedudukan Parit Buntar yang strategik dalam segitiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (*Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle/ IMT-GT*) membolehkan kegiatan

pembangunan ekonomi dan sosial dilakukan secara pesat. Pembangunan ini secara tidak langsung mendorong perubahan sosial setempat yang mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Cham termasuklah dari segi penggunaan bahasa. Selain Pasar Kemboja, iaitu perniagaan borang dan runcit tekstil yang diadakan pada setiap Sabtu di hadapan rumah-rumah kediaman Jalan Sempadan, di Parit Buntar juga terdapat Kompleks Perniagaan Pasar Kemboja yang dikendalikan sepenuhnya oleh masyarakat Cham pada setiap hari. Kompleks ini merupakan kompleks tekstil terbesar dalam rangkaian kedai-kedai tekstil Kemboja di Semenanjung Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini ingin menyiasat penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Cham dengan menggunakan analisis domain oleh Fishman (1972) dan teori mobiliti sosial oleh (Paulston 1994). Domain menurut Fishman (1972) merupakan konteks penggunaan bahasa oleh individu bergantung kepada lawan tutur dan situasi masa dan topik. Hal ini bermaksud bahawa semua aspek yang melibatkan siapa yang bertutur kepada siapa, tempat berlakunya interaksi dan topik perbincangan akan menentukan bahasa yang digunakan. Terdapat pelbagai domain penggunaan bahasa dan faktor-faktor yang membentuk domain bergantung pada masyarakat dan masa tertentu (Noriah & Meriam 2005). “Hal ini kerana setiap masyarakat mengamalkan budaya yang berbeza yang mengelaskan persekitarannya kepada kategori persekitaran yang diskret. Sesebuah masyarakat dijangka peka terhadap domain-domain di tempat berlakunya interaksi khusus dalam masyarakat mereka” (Noriah dan Meriam 2005: hlm. 8). Memandangkan setiap masyarakat mempunyai budaya yang berbeza, maka pengkategorian dan jumlah domain juga akan berbeza (Noriah & Meriam 2005; Saville-Troike 2003). Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan tiga domain, iaitu domain kekeluargaan, domain kejiranan dan domain pekerjaan yang dianggap sesuai dengan kehidupan masyarakat Cham. Domain kekeluargaan merupakan domain penting dalam kajian ini berdasarkan pandangan Fishman (1991) yang menegaskan bahawa domain keluarga merupakan domain asas dalam mempertahankan penggunaan bahasa warisan. Malah ketidakupayaan masyarakat mengekalkan rumah atau keluarga sebagai domain utama penggunaan bahasa ibunda akan membawa kepada peralihan bahasa. Domain kejiranan juga penting kerana masyarakat Cham di Parit Buntar tinggal dalam kejiranan yang ada hubungan persaudaraan di samping masyarakat tempatan. Manakala, domain pekerjaan dipilih kerana

kebanyakan orang-orang Cham bekerja sendiri yang banyak menggunakan laras tidak rasmi di samping sedikit yang terlibat dengan sektor awam dan swasta.

Instrumen kajian ialah soal selidik. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian: Bahagian A mengandungi maklumat latar diri yang mempunyai sembilan item. Bahagian B mengandungi 29 item yang berkait dengan penggunaan bahasa Cham dalam domain penggunaan bahasa (domain kekeluargaan, domain kejiwaan dan domain pekerjaan), bahasa paling dominan yang digunakan dan pandangan responden terhadap masa depan bahasa Cham di Malaysia. Responden dikehendaki menyatakan tahap persetujuan penggunaan bahasa Cham dalam domain-domain tersebut dan pandangan terhadap masa depan bahasa Cham dengan menggunakan tahap persetujuan 5 mata, iaitu ‘sangat tidak setuju’, ‘tidak setuju’, ‘tidak pasti’, ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’. Bagi bahasa dominan yang digunakan, terdapat empat kategori bahasa yang dipilih, iaitu bahasa Cham, bahasa Khmer, bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain.

Temu bual tidak langsung dilakukan bagi mengenal pasti faktor penggunaan bahasa. Faktor tersebut kemudiannya dirumuskan berdasarkan teori mobiliti sosial oleh Paulston (1994). Paulston berpendapat bahawa terdapat empat aspek mobiliti sosial yang mempengaruhi sama ada bahasa minoriti dikekalkan atau beralih kepada bahasa dominan iaitu, keetnikan/ ciri etnik yang dikongsi bersama (*ethnicity*), perubahan etnik (*ethnic movement*), nasionalisme etnik (*ethnic nationalism*), dan nasionalisme geografi (*geography nationalism*). Keetnikan ialah nilai, simbol, budaya atau sejarah yang meletakkan satu-satu etnik itu sebagai satu kumpulan yang berbeza dengan etnik yang lain. Dalam hal ini, bahasa Cham ialah ciri etnik dikongsi bersama dan menjadi sebahagian daripada identiti diri dan etnik. Menurut Paulston, walaupun wujud kebersamaan etnik, namun jika berlaku asimilasi dengan etnik lain maka peralihan bahasa mungkin berlaku. Perubahan etnik ialah ciri-ciri baharu yang timbul sebagai akibat keinginan etnik untuk menghadapi persaingan dalam sumber yang terhad. Rasa tidak puas hati terhadap persekitaran sosial dan ekonomi mendorong etnik melakukan perubahan kepada ciri etnik dan nilai identiti agar perubahan yang dilakukan membolehkan etnik bersaing dan diterima oleh kumpulan yang dominan. Dalam hal ini, Paulston menegaskan bahawa peranan bahasa adalah penting untuk mendapatkan kelebihan sosial dan ekonomi. Nasionalisme etnik berkait dengan kemampuan bahasa etnik untuk menjadi simbol bangsa dan menjadi bahasa kebangsaan. Oleh itu, bahasa etnik menjadi eksklusif kepada negara dan memainkan peranan penting dalam mana-mana

fungsi komunikatif. Nasionalisme geografi ialah negara atau wilayah yang membolehkan etnik menentukan status politik, ekonomi dan sosial mereka. Paulston mengatakan bahawa dalam nasionalisme geografi, bahasa tidak semestinya menjadi simbol utama. Walaupun nasionalisme geografi tidak memerlukan simbol bahasa, namun kelancaran nasionalisme etnik bergantung kepada akses wilayah.

Pengkaji mendapatkan kerjasama dua orang yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat Cham atau boleh disebut sebagai wakil masyarakat. Seorang merupakan Cham Kemboja di Taman Harapan dan seorang lagi merupakan Cham Vietnam di Taman Kerian. Kedua-dua individu ini juga sedia menjadi informan kepada kajian ini. Pada masa yang sama, seorang kenalan dari keturunan Cham juga sedia membantu pengkaji di lapangan terutama di pasar atau kompleks perniagaan dan turut menjadi informan. Pemilihan responden dibuat secara dua cara, iaitu dengan mengedarkan soal selidik kepada setiap keluarga di kawasan kajian dan secara persampelan kesediaan kepada responden di pasar/kompleks.

## **RESPONDEN KAJIAN**

Responden kajian merupakan individu berketurunan Cham yang ditentukan berdasarkan kedua-dua leluhur ibu dan bapa berketurunan Cham ataupun hanya satu daripadanya berketurunan Cham. Responden berjumlah 135 orang dan dikelaskan kepada generasi pertama dan generasi kedua. Pengkelasan generasi ditentukan berdasarkan tempat kelahiran dan usia mula menetap di Malaysia. Kebanyakan sarjana (Sevinç 2016; Finocchiaro 2004; Meybodi. 2014) bersetuju bahawa generasi pertama ialah mereka yang lahir di negara asal dan generasi kedua ialah mereka yang lahir di negara didatangi dan kedua-dua ibu bapa atau satu daripadanya lahir di negara asal. Walau bagaimanapun, generasi kedua juga mempunyai penempatan lain. Sevinç (2016) dalam kajiannya menggunakan ukuran generasi kedua sebagai orang Turki yang lahir di Belanda atau tiba di Belanda sebelum usia 5 tahun dan bersekolah di Belanda. Finocchiaro (2004) meletakkan ukuran usia 12 tahun yang melepasi tahap operasi konkrit Piaget sebagai sempadan antara generasi sebagaimana yang digunakan oleh Clyne (2003).

Bagi kajian ini, usia 6 tahun digunakan berdasarkan permulaan pendidikan formal di Kemboja. Begitu juga di Malaysia usia 6 tahun merupakan usia bermulanya pendidikan

prasekolah. Oleh itu, generasi pertama merupakan mereka yang lahir di Kemboja dan datang ke Malaysia ketika berumur 6 tahun dan ke atas. Generasi kedua ialah mereka yang lahir di Malaysia atau yang lahir di Kemboja tetapi telah meninggalkan Kemboja sebelum berusia 6 tahun atau mereka yang lahir di kem pelarian. Hal ini bermaksud generasi kedua yang lahir di Kemboja/ kem pelarian tidak sempat menerima pendidikan formal Kemboja tetapi mendapat mula pendidikan formal di Malaysia.

Jadual 1 menunjukkan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan generasi.

| Jadual 1: Taburan Responden |                |                                |                              |                      |       |
|-----------------------------|----------------|--------------------------------|------------------------------|----------------------|-------|
| Demografi                   |                | Generasi Pertama<br>63 (46.7%) | Generasi Kedua<br>72 (53.3%) | Jumlah<br>135 (100%) |       |
| Jantina                     | Lelaki         | 31                             | 36                           | 67                   | 69.6% |
|                             | Perempuan      | 32                             | 36                           | 68                   | 50.4% |
| Kelas Umur                  | 49 – 69 tahun  | 47                             | 1                            | 48                   | 35.6% |
|                             | 39 – 48 tahun  | 13                             | 3                            | 16                   | 11.9% |
|                             | 29 – 38 tahun  | 3                              | 13                           | 16                   | 11.9% |
|                             | 19 – 28 tahun  | 0                              | 24                           | 24                   | 17.8% |
|                             | 18 – 12 tahun  | 0                              | 31                           | 31                   | 23.0% |
|                             |                |                                |                              |                      |       |
| Pekerjaan                   | Sendiri        | 51                             | 32                           | 83                   | 61.5% |
|                             | Sektor Swasta  | 4                              | 8                            | 12                   | 8.9%  |
|                             | Sektor Awam    | 0                              | 2                            | 2                    | 1.5%  |
|                             | Sedang Belajar | 0                              | 21                           | 21                   | 15.6% |
|                             | Tidak Bekerja  | 8                              | 9                            | 17                   | 12.6% |

Purata usia responden ialah 37 tahun dengan usia paling muda ialah 12 tahun dan usia paling tua ialah 69 tahun. Dari segi jantina, bilangan responden lelaki dan perempuan adalah hampir sama, masing-masing adalah 67 dan 68 orang. Majoriti responden generasi pertama berusia 49 tahun ke atas dan majoriti generasi kedua berusia bawah 38 tahun. Majoriti responden bekerja sendiri yang kebanyakannya mengusahakan perniagaan keluarga.

Jadual 2 pula menunjukkan taburan penguasaan bahasa responden.

| Jadual 2: Penguasaan Bahasa |           |         |
|-----------------------------|-----------|---------|
| Penguasaan Bahasa           | Responden |         |
|                             | Bilangan  | Peratus |
| B. Melayu                   | 03        | 02.2%   |
| B. Cham, B. Melayu          | 30        | 22.2%   |
| B. Khmer, B. Melayu         | 06        | 04.4%   |

|                                                        |     |       |
|--------------------------------------------------------|-----|-------|
| B. Cham, B. Khmer, B. Melayu                           | 67  | 49.6% |
| B. Cham, B. Melayu, B. Inggeris                        | 09  | 06.7% |
| B. Cham, B. Melayu, Bahasa Lain (Vietnam)              | 03  | 02.2% |
| B. Khmer, B. Melayu, B. Inggeris                       | 02  | 01.5% |
| B. Cham, B. Khmer, B. Melayu, B. Inggeris              | 08  | 05.9% |
| B. Cham, B. Melayu, B. Inggeris, Bahasa Lain (Vietnam) | 03  | 02.2% |
| B. Cham, B. Khmer, B. Melayu, Bahasa Lain (Arab)       | 04  | 03.3% |
| Jumlah                                                 | 135 | 100%  |

Dari segi penguasaan bahasa, 124 responden menyatakan tahu berbahasa Cham di samping bahasa-bahasa lain. 81 responden boleh berbahasa tiga bahasa. 67 daripadanya boleh menguasai bahasa Cham, bahasa Khmer dan bahasa Melayu. 36 responden menguasai dua bahasa, iaitu 30 daripadanya boleh berbahasa Cham dan bahasa Melayu. Seramai 15 orang menguasai empat bahasa termasuk bahasa Arab dan bahasa Vietnam. Hanya 11 orang responden yang tidak menguasai bahasa Cham. Daripada 11 orang ini, tiga orang hanya boleh berbahasa Melayu, enam orang boleh berbahasa Melayu dan bahasa Khmer, dan dua orang menguasai bahasa Melayu, bahasa Khmer dan bahasa Inggeris.

## HASIL KAJIAN

Data dianalisis secara perbandingan min melalui Ujian-t sampel bebas untuk melihat sama ada terdapat perbezaan atau tidak terdapat perbezaan penggunaan bahasa Cham antara generasi pertama dan generasi kedua, analisis peratus kekerapan bagi melihat bahasa yang digunakan dan jangkaan penggunaan bahasa Cham pada masa hadapan. Berdasarkan Ujian-t, kajian ini menyokong dengan kuat untuk tidak menerima andaian bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min penggunaan bahasa Cham dalam domain kekeluargaan, keijiranan dan pekerjaan berdasarkan generasi. Hal ini bermaksud bahawa perbezaan skor penggunaan bahasa Cham antara generasi bagi ketiga-tiga domain penggunaan bahasa adalah signifikan secara statistik.

Penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan merujuk penggunaan bahasa dalam hubungan keluarga asas, iaitu antara ibu bapa dengan anak-anak dan hubungan keluarga kembangan yang meliputi saudara mara terdekat dari peringkat datuk hingga kepada peringkat saudara sepupu sama ada dalam lingkungan rumah sendiri atau di rumah datuk dan ibu bapa saudara. Jadual 3 menunjukkan dapatan Ujian-t perbezaan penggunaan bahasa Cham dalam domain kekeluargaan berdasarkan generasi.

Jadual 3: Perbezaan Penggunaan Bahasa Cham Dalam Domain Kekeluargaan Berdasarkan Generasi

| Demografi | Faktor           | N  | min  | sp   | dk  | t     | sig   |
|-----------|------------------|----|------|------|-----|-------|-------|
| Generasi  | Generasi Pertama | 63 | 3.59 | 0.96 | 133 | 6.618 | 0.000 |
|           | Generasi Kedua   | 72 | 2.47 | 1.00 |     |       |       |

Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan bahasa Cham  $t(133)=6.618$ ,  $p<.05$  dengan generasi pertama ( $m=3.60$ ) lebih tinggi penggunaan bahasa Cham berbanding generasi kedua ( $m=2.47$ ) dalam domain kekeluargaan.

Jadual 4 pula memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain kekeluargaan.

Jadual 4: Penggunaan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Berdasarkan Generasi

| Bahasa         | Generasi Pertama | Generasi Kedua | Jumlah |       |
|----------------|------------------|----------------|--------|-------|
| Bahasa Cham    | 25 (39.7%)       | 17 (23.6%)     | 42     | 31.1% |
| Bahasa Khmer   | 10 (15.9%)       | 10 (13.9%)     | 20     | 14.8% |
| Bahasa Melayu  | 28 (44.4%)       | 44 (61.1%)     | 72     | 53.3% |
| Bahasa Vietnam | 0 (0%)           | 1 (1.4%)       | 1      | 0.8%  |
| Jumlah         | 63               | 72             | 135    | 100%  |

Daripada jadual tersebut, didapati lebih 50 peratus responden tidak menggunakan bahasa Cham dalam domain kekeluargaan di rumah. Hanya 31.1 peratus responden menggunakan bahasa Cham. Selebihnya, iaitu 68.9 peratus menggunakan bahasa selain bahasa Cham sama ada bahasa Khmer, bahasa Melayu ataupun bahasa Vietnam. Dari segi generasi, didapati 61.1 peratus responden mengakui bahawa mereka menggunakan bahasa Melayu. Jumlah ini melebihi 37.5 peratus daripada pengguna bahasa Cham generasi kedua. Bagi generasi pertama pula perbezaan penggunaan bahasa antara bahasa Cham, bahasa Khmer dan bahasa Melayu tidak begitu ketara. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu juga telah menunjukkan keutamaannya dalam kalangan generasi pertama. Daripada Ujian-t dan jumlah pengguna bahasa Cham, didapati berlaku kemerosotan penggunaan bahasa Cham bagi kedua-dua generasi. Kebanyakan responden telah beralih kepada bahasa Melayu apabila berhubung sesama keluarga.

Penggunaan bahasa dalam domain kejiwaan pula merujuk penggunaan bahasa Cham dalam hubungan sesama jiran dalam persekitaran tempat tinggal atau kampung. Oleh itu,

jiran dalam kajian ini bermaksud semua yang tinggal dalam kampung atau taman perumahan yang sama, berkongsi kemudahan kampung yang sama dan ketua kampung yang sama. Jiran dekat merupakan jiran yang berada dalam lingkungan lima pintu di sebelah kiri, kanan, belakang dan hadapan rumah utama. Manakala rumah yang keenam dan seterusnya dianggap sebagai jiran jauh. Jadual 5 ialah hasil Ujian-t perbezaan penggunaan bahasa Cham dalam domain kejiiran berdasarkan generasi.

Jadual 5: Perbezaan Penggunaan Bahasa Cham Dalam Domain Kejiiran Berdasarkan Generasi

| Demografi | Faktor           | N  | min  | sp   | dk  | t     | sig   |
|-----------|------------------|----|------|------|-----|-------|-------|
| Generasi  | Generasi Pertama | 63 | 3.09 | 0.85 | 133 | 6.166 | 0.000 |
|           | Generasi Kedua   | 72 | 2.20 | 0.81 |     |       |       |

Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan bahasa Cham  $t(133)=6.166$ ,  $p<.05$  dengan Generasi 1 ( $m=3.09$ ) lebih tinggi penggunaan bahasa Cham berbanding Generasi 2 ( $m=2.21$ ) dalam domain kejiiran.

Jadual 6 memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain kejiiran.

Jadual 6: Penggunaan Bahasa dalam Domain Kejiiran Berdasarkan Generasi

| Bahasa        | Generasi Pertama | Generasi Kedua | Jumlah |       |
|---------------|------------------|----------------|--------|-------|
| Bahasa Cham   | 27 (42.8%)       | 13 (18.1%)     | 40     | 29.6% |
| Bahasa Khmer  | 19 (30.2%)       | 10 (13.9%)     | 29     | 21.5% |
| Bahasa Melayu | 17 (27.0%)       | 49 (68.0%)     | 66     | 48.9% |
| Jumlah        | 63               | 72             | 135    | 100%  |

Daripada jadual tersebut, hampir 48.9 peratus responden menggunakan bahasa Melayu terutamanya generasi kedua. Hanya 29.6 peratus responden menggunakan bahasa Cham dan selebihnya, iaitu 21.5 peratus menggunakan bahasa Khmer. Dari segi generasi, didapati generasi pertama lebih banyak menggunakan bahasa Cham, iaitu sebanyak 42.8 peratus, diikuti bahasa Khmer 30.2 peratus dan hanya 27.0 peratus yang menggunakan bahasa Melayu. Berbeza dengan generasi kedua, hanya 18.1 peratus menggunakan bahasa Cham, 13.9 peratus menggunakan bahasa Khmer dan 68.0 peratus menggunakan bahasa Melayu. Dalam domain kejiiran, didapati berlaku kemerosotan penggunaan bahasa Cham dalam kalangan generasi kedua. Generasi kedua lebih banyak menggunakan bahasa Melayu apabila berhubungan sesama jiran berbanding generasi pertama.

Domain pekerjaan ialah domain yang melibatkan hubungan masyarakat Cham yang lebih luas yang melibatkan kepelbagaian situasi penggunaan bahasa di tempat kerja. Kebanyakan masyarakat Cham terlibat dalam pekerjaan yang kurang menggunakan laras rasmi. Hal ini kerana kebanyakannya bekerja sendiri dengan mengusahakan perniagaan keluarga. Jadual 7 merupakan hasil dapatan Ujian-t untuk melihat perbezaan penggunaan bahasa Cham dalam domain pekerjaan berdasarkan generasi.

Jadual 7: Perbezaan Penggunaan Bahasa Cham Dalam Domain Pekerjaan Berdasarkan Generasi

| Demografi | Faktor           | N  | min  | sp   | dk | t     | sig   |
|-----------|------------------|----|------|------|----|-------|-------|
| Generasi  | Generasi Pertama | 55 | 2.23 | 0.81 | 95 | 3.194 | 0.002 |
|           | Generasi Kedua   | 42 | 1.71 | 0.78 |    |       |       |

Hasil Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan bahasa Cham  $t(95)=3.194$ ,  $p<.05$  dengan generasi pertama ( $m=2.23$ ) lebih tinggi penggunaan bahasa Cham berbanding generasi kedua ( $m=1.71$ ) dalam domain pekerjaan.

Jadual 8 memperlihatkan bahasa yang digunakan oleh responden dalam domain pekerjaan.

Jadual 8: Penggunaan Bahasa dalam Domain Pekerjaan Berdasarkan Generasi

| Bahasa        | Generasi Pertama | Generasi Kedua | Jumlah |       |
|---------------|------------------|----------------|--------|-------|
| Bahasa Cham   | 07 (12.7%)       | 04 (9.5%)      | 11     | 11.3% |
| Bahasa Khmer  | 07 (12.7%)       | 02 (4.8%)      | 09     | 09.3% |
| Bahasa Melayu | 41 (74.6%)       | 36 (85.7%)     | 77     | 79.4% |
| Jumlah        | 55               | 42             | 97     | 100%  |

Daripada 135 responden keseluruhan, hanya 97 sahaja yang terlibat untuk menjawab bahagian domain pekerjaan. Hal ini kerana 21 orang merupakan pelajar dan 17 orang tidak bekerja (lihat Jadual 1). Daripada jumlah tersebut, 11.3 peratus responden yang bekerja menggunakan bahasa Cham, 9.3 peratus menggunakan bahasa Khmer dan 79.4 peratus menggunakan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan kemerosotan penggunaan bahasa Cham. Analisis generasi menunjukkan 85.7 peratus generasi kedua dan 74.6 peratus generasi pertama telah beralih kepada penggunaan bahasa Melayu dalam urusan kerja. Melalui Ujian-t dan jumlah pengguna bahasa Cham didapati berlaku kemerosotan penggunaan bahasa Cham dalam domain pekerjaan sebaliknya penggunaan bahasa Melayu semakin meningkat.

Jadual 9 menunjukkan rumusan perbandingan penggunaan bahasa yang memperlihatkan kemerosotan penggunaan bahasa Cham dan peralihan kepada bahasa Melayu.

Jadual 9: Perbandingan Penggunaan Bahasa mengikut Domain Berdasarkan Generasi

| Domain Bahasa  | Kekeluargaan     |                | Kejiranan        |                | Pekerjaan        |                |
|----------------|------------------|----------------|------------------|----------------|------------------|----------------|
|                | Generasi Pertama | Generasi Kedua | Generasi Pertama | Generasi Kedua | Generasi Pertama | Generasi Kedua |
| Bahasa Cham    | 39.7%            | 23.6%          | 42.8%            | 18.1%          | 12.7%            | 9.5%           |
| Bahasa Khmer   | 15.9%            | 13.9%          | 30.2%            | 13.9%          | 12.7%            | 4.8%           |
| Bahasa Vietnam | 0                | 01.4%          | 0                | 0              | 0                | 0              |
| Bahasa Melayu  | 44.4%            | 61.1%          | 27.0%            | 68.0%          | 74.6%            | 85.7%          |
| Jumlah         | 100%             | 100%           | 100%             | 100%           | 100%             | 100%           |
|                | (n=63)           | (n=72)         | (n=63)           | (n=72)         | (n=55)           | (n=42)         |

Dalam kajian ini juga, responden diminta membuat jangkaan mengenai penggunaan bahasa Cham di Malaysia pada masa hadapan. Jadual 10 menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap kenyataan ‘Bahasa Cham di Malaysia dijangka tidak digunakan lagi pada masa hadapan’ menggunakan lima tahap persetujuan sangat tidak setuju kepada sangat setuju.

Jadual 10: Bahasa Cham Dijangka Tidak Digunakan Lagi pada Masa Hadapan

| Tahap Persetujuan   | Generasi Pertama | Generasi Kedua | Jumlah |       |
|---------------------|------------------|----------------|--------|-------|
| Sangat Tidak Setuju | 02 (03.2%)       | 02 (02.8%)     | 04     | 02.9% |
| Tidak Setuju        | 05 (07.9%)       | 19 (26.4%)     | 24     | 17.8% |
| Tidak Pasti         | 05 (07.9%)       | 00 (00)        | 05     | 03.7% |
| Setuju              | 35 (55.6%)       | 45 (62.5%)     | 80     | 59.3% |
| Sangat Setuju       | 16 (25.4%)       | 06 (08.3%)     | 22     | 16.3% |
| Jumlah              | 63 (100%)        | 72 (100%)      | 135    | 100%  |

Berdasarkan Jadual 9, didapati 75.6 peratus responden bersetuju hingga sangat setuju bahawa bahasa Cham tidak akan digunakan lagi pada masa hadapan. Dalam hal ini, generasi pertama (81%) menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi berbanding generasi kedua (70.8%). Hal ini bermaksud bahawa responden beranggapan bahawa fungsi bahasa Cham akan beralih kepada bahasa lain yang lebih dominan. Berdasarkan penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan, kejiranan dan pekerjaan, peralihan bahasa berlaku daripada bahasa Cham kepada bahasa Melayu. Hanya 2.9 peratus masih mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa bahasa Cham boleh bertahan dan terus digunakan dan 3.7 peratus lagi tidak dapat memberikan kepastian.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan situasi semasa kajian ini, secara keseluruhannya analisis domain menunjukkan tanda berlakunya peralihan bahasa Cham kepada bahasa Melayu apabila penggunaan bahasa Cham didapati telah merosot dalam kalangan masyarakat Cham mengikut generasi. Andaian bahawa masyarakat Cham di Malaysia telah menunjukkan kemerosotan penggunaan bahasa warisannya dan berlaku peralihan bahasa kepada bahasa Melayu tetapi bukan pada skala yang menyeluruh menunjukkan kebenarannya apabila terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara min penggunaan bahasa Cham dalam domain kekeluargaan, keijiranan dan pekerjaan berdasarkan generasi. Analisis data yang dilakukan menunjukkan bahawa tidak semua generasi pertama mengekalkan bahasa Cham dan tidak semua generasi kedua beralih kepada bahasa Melayu. Namun demikian, corak penggunaan bahasa dalam kalangan generasi kedua lebih banyak menunjukkan peralihan bahasa kepada bahasa Melayu. Dengan mengaitkan umur dengan generasi yang pada kebiasaan generasi kedua berusia lebih muda daripada generasi pertama, dapatan ini menunjukkan bahawa perbezaan umur antara penutur dapat mewakili proses peralihan bahasa (Sa'adijah 2014). Dari segi domain pula, peralihan bahasa lebih banyak berlaku dalam domain pekerjaan bagi kedua-dua generasi.

Domain kekeluargaan yang merupakan domain asas pengekalan bahasa (Fishman 1991, 1965) dilihat tidak mampu mempertahankan bahasa Cham di kawasan yang dikaji. Walaupun bahasa Cham masih digunakan dalam keadaan tertentu tetapi tanda-tanda peralihan bahasa telah kelihatan apabila bahasa Cham tidak banyak digunakan dalam hubungan kekeluargaan terutamanya oleh generasi kedua. Hal ini melibatkan pemindahan bahasa ibunda yang tidak sempurna apabila generasi pertama menggunakan bahasa Cham tetapi generasi kedua tidak menerimanya sebaliknya menggunakan bahasa Melayu. Dengan perkataan lain, transmisi bahasa antara generasi tidak berlaku. Menurut seorang informan,

‘Saya cakap bahasa Cham dengan isteri saya. Dengan anak-anak tak. Bila (*apabila*) saya cakap Cham, depa (*mereka*) dengar, faham. Tapi balas balik bahasa Melayu. Lama-lama saya pun guna bahasa Melayu terus dengan depa (*mereka*). Senang. Kadang-kadang kami yang tua ni tegur juga, tapi depa (*mereka*) buat tak tahu saja. Depa (*mereka*) cakap bahasa Melayu juga’.

Temu bual tidak langsung dengan informan menunjukkan pemindahan bahasa Cham tidak sempurna apabila anak-anak bersikap tidak mahu menggunakan bahasa Cham walaupun dimulakan perbualan dalam bahasa Cham oleh ibu bapa. Perubahan penggunaan bahasa

dalam interaksi kekeluargaan diikuti oleh kegagalan generasi pertama untuk memindahkan bahasa ibunda kepada generasi kedua akan mempercepat berlakunya peralihan bahasa (Fishman 1991, Himmelman 2010).

Berdasarkan tinjauan di lapangan, didapati kawasan kejiranan masyarakat Cham merupakan penempatan bersama masyarakat Cham dan masyarakat tempatan yang terdiri daripada pelbagai etnik. Walau bagaimanapun, kelompok masyarakat Cham kebanyakannya tinggal berdekatan sesama mereka dan mempunyai perkaitan persaudaraan sama ada hubungan kekeluargaan yang jauh ataupun dekat. Walaupun mempunyai hubungan persaudaraan, namun kejiranan juga tidak berjaya mengangkat bahasa Cham sebagai bahasa dominan apabila ramai dalam kalangan generasi kedua yang tidak menggunakan bahasa Cham. Keadaan yang lebih terbuka kepada pergerakan yang luas di luar kejiranan mempengaruhi penggunaan bahasa generasi kedua. Generasi kedua lebih terbuka untuk menggunakan bahasa Melayu. Menurut informan, generasi kedua banyak terdedah dengan bahasa Melayu apabila bersekolah dalam sistem pendidikan Malaysia, bergaul dan berkahwin dengan orang tempatan. Generasi pertama yang pergaulannya agak tertutup dalam lingkungan jiran masih banyak mengekalkan bahasa ibunda sebagai satu bentuk peluang sosial bersama-sama jiran.

Dari segi pekerjaan, walaupun kebanyakan masyarakat Cham bekerja sendiri dan tidak terikat dengan penggunaan bahasa rasmi, bahasa Cham masih sukar dipertahankan. Bahasa Melayu dilihat paling dominan digunakan ketika bekerja sama ada oleh generasi pertama mahupun generasi kedua. Walau bagaimanapun, generasi kedua lebih banyak menggunakan bahasa Melayu berbanding generasi pertama. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh sifat pekerjaan mereka yang kebanyakannya berniaga. Sektor perniagaan mendedahkan masyarakat Cham kepada pelbagai lapis masyarakat yang memerlukan mereka menggunakan bahasa Melayu. Menurut Noriah & Meriam (2005), bahasa perniagaan di Malaysia bergantung kepada bangsa penjual dan pembeli dan kawasan perniagaan. Hal ini diakui oleh seorang informan bahawa beliau senang menggunakan bahasa Melayu kerana kebanyakan pelanggannya merupakan orang Melayu dan bagi mengelakkan orang ramai mengenalinya sebagai Cham atau orang Kemboja.

Terdapat satu pola penggunaan bahasa yang dapat difahami daripada kajian ini menggunakan *Language Endangerment Index* yang dibangunkan oleh *Catalogue of*

*Endangered Languages* (Lee & Way, 2016). Indeks ini meletakkan tahap 0 hingga 5 sebagai tahap vitaliti/ keterancaman bahasa, iaitu 0=bahasa selamat apabila hampir semua menggunakan bahasa (90-100%), 1=bahasa terdedah kepada ancaman apabila digunakan oleh sebahagian besar penutur (75-89%), 2=bahasa terancam apabila digunakan oleh kebanyakan penutur (60-74%), 3=bahasa sangat terancam apabila digunakan oleh kurang lebih separuh penutur (40-59%), 4=bahasa nazak/ sangat berbahaya apabila digunakan oleh kurang separuh penutur (20-39%), dan 5=bahasa sangat nazak/ kritikal apabila hanya sedikit yang menggunakan bahasa (1-19%). Dengan melihat kepada peratus pengguna bahasa Cham (Jadual 9), dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dalam domain kekeluargaan, bahasa Cham memperlihatkan tahap terancam. Dalam domain kejiranan, bahasa Cham juga memperlihatkan tahap terancam. Dalam domain pekerjaan penggunaan bahasa Cham memperlihatkan tahap nazak atau sangat berbahaya. Tahap keterancaman bahasa Cham ini memperlihatkan perubahan dalam corak penggunaan bahasa. Perubahan ini menandakan berlakunya proses peralihan bahasa (Cowell 2016, Sa'adiah 2014).

Dapatan kajian ini menunjukkan proses peralihan bahasa Cham agak cepat apabila tanda-tanda peralihan bahasa telah berlaku pada peringkat generasi kedua dan kemungkinan peralihan penuh berlaku pada generasi ketiga (Fishman 1989; Haugen 1972). Malah majoriti responden beranggapan bahawa bahasa Cham tidak akan digunakan lagi pada masa hadapan. Menurut Sa'adiah (2104), perubahan dan kelajuan proses peralihan bahasa dalam sesebuah masyarakat khususnya yang dwi- atau multibahasa banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti sosial, sejarah, demografi, linguistik, dan lain-lain (hlm. 33). Hasil temu bual tidak langsung dengan tiga orang informan dapat disimpulkan bahawa kemerosotan penggunaan bahasa Cham didorong oleh faktor mobiliti sosial (Paulston 1994) terutama dari aspek keetnikan, perubahan etnik dan nasionalisme etnik. Perubahan etnik dilihat sebagai faktor paling memberi kesan terhadap penggunaan bahasa Cham. Dalam hal ini, berbeza dengan generasi pertama yang lebih tertutup, masyarakat Cham generasi kedua telah mula menerima perkahwinan luar etnik, menerima sistem pendidikan yang berbeza dengan generasi pertama dan penglibatan dalam perniagaan milikan tunggal yang menggaji pekerja telah mempercepatkan peralihan bahasa. Peranan bahasa Cham tidak lagi penting untuk mendapatkan kelebihan sosial dan ekonomi. Dari segi keetnikan, didapati generasi pertama dan kedua tidak berkongsi bahasa Cham. Hal ini dapat dilihat apabila berlaku penolakan terhadap bahasa ibunda apabila generasi kedua tidak menerima transmisi bahasa daripada generasi pertama dan tidak mahu dikenali sebagai Cham. Aspek nasionalisme etnik juga

dilihat mempenagruhi peralihan bahasa Cham. Bahasa Cham tidak memainkan peranan penting dalam mana-mana fungsi komunikatif apabila dilihat dalam ketiga-tiga domain yang dikaji. Tambahan pula bahasa Cham bukan bahasa eksklusif kepada negara Malaysia.

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Cham di lembah hilir Sungai Kerian dalam domain kekeluargaan, keijiranan dan pekerjaan menunjukkan pengaruh bahasa Melayu semakin dominan terutamanya kepada generasi kedua. Dengan perkataan lain, kemerosotan penggunaan bahasa Cham dalam ketiga-tiga domain yang dikaji dan proses peralihan kepada bahasa Melayu jelas berlaku terutamanya dalam kalangan generasi kedua. Dalam sesetengah keadaan, walaupun bahasa Cham masih berperanan seperti dalam domain keijiranan dalam kalangan generasi pertama tetapi penggunaannya juga semakin berkurang. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Kok-Thay Eng (2013), Farina So (2013), Siti Nor (2010) dan Fatimah, Mohamad Zain dan Farid (2009), iaitu penghijrahan dan didorong oleh faktor mobiliti sosial menyebabkan berlakunya peralihan bahasa.

## **KESIMPULAN**

Kajian peralihan bahasa Cham cuba melihat gejala peralihan bahasa Cham dalam kalangan masyarakat Cham di lembah hilir Sungai Kerian dengan menganalisis penggunaan bahasa dalam tiga domain, iaitu domain kekeluargaan, keijiranan dan pekerjaan dan merumuskan penggunaan bahasa Cham berdasarkan faktor mobiliti sosial. Dapatan kajian ini telah memberi gambaran tentang situasi semasa bahasa Cham selepas masyarakat Cham berhijrah ke Malaysia. Jika dibandingkan antara kedua-dua generasi, kajian ini mendapati bahasa Cham kelihatan semakin merosot penggunaannya dalam kalangan generasi kedua apabila mereka mula beralih kepada bahasa Melayu. Bahasa Melayu menjadi semakin dominan. Hanya dalam domain keijiranan, kebanyakan generasi pertama masih memperlihatkan usaha mempertahankan bahasa Cham. Hal ini didorong oleh faktor mobiliti sosial khususnya perubahan etnik di tempat yang berbeza dari negara asal, penolakan terhadap ciri etnik (bahasa ibunda) oleh generasi kedua dan kemerosotan fungsi komunikatif.

Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan keadaan masih terkawal dan peralihan bahasa dilihat masih belum sempurna sepenuhnya, namun kenyataan 3/4 responden bahawa bahasa Cham di Malaysia dijangka tidak digunakan lagi merupakan sesuatu yang serius. Hal

ini memberi kesan kepada isu identiti apabila bahasa Cham yang merupakan satu daripada ciri keetnikan tidak lagi digunakan. Budaya dan agama pula tidak dapat mempertahankan bahasa Cham memandangkan persamaan budaya dan agama dengan masyarakat majoriti yang berbahasa Melayu tidak memerlukan penggunaan bahasa Cham. Secara tidak langsung apabila bahasa Cham tidak digunakan, maka identiti Cham akan turut hilang. Tambahan pula di Malaysia masyarakat Cham didaftarkan sebagai Khmer dan di Kemboja sendiri usaha Khmerisasi ke atas masyarakat Cham telah berlaku sejak kejatuhan kerajaan Champa. Oleh itu, sebagai masyarakat yang berhadapan dengan perubahan sosiobudaya di Malaysia, isu penggunaan bahasa dan hubungannya dengan identiti Cham merupakan isu yang perlu diberi perhatian (How, Chan & Ain Nadzimah 2015).

Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan pupusnya bahasa Cham sebagaimana pupusnya Kerajaan Champa, kajian berterusan tentang bahasa Cham wajar diberi perhatian dengan melihat kepada isu penolakan bahasa Cham oleh generasi muda dan isu vitaliti bahasa serta hubungannya dengan identiti. Hal ini mempunyai kesan terhadap program pemuliharaan bahasa dan secara tidak langsung memberi satu sumbangan kepada perkembangan profil sociolinguistik di Malaysia dalam usaha perancangan bahasa. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada kajian-kajian pengekalan dan peralihan bahasa Cham yang lebih mendalam memandangkan isu peralihan bahasa merupakan isu yang diberi penekanan penting oleh UNESCO melalui program bahasa-bahasa terancam dunia.

## RUJUKAN

- Adelaar, A. (2005). The Austronesian languages of Asia and Madagascar: A historical perspective. Dlm. Adelaar, A dan Himmelmann, N.P. (Eds). (2005). *The Austronesian Languages of Asia and Madagascar* (hlm. 1-42). New York: Routledge.
- Aldridge, S. (2001). Social Mobility: A Discussion Paper. [stephen.aldridge@cabinet-office.x.gsi.gov.uk](mailto:stephen.aldridge@cabinet-office.x.gsi.gov.uk)
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, C. (2001). *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Bilton, T., Bonnett, K., Jones, P., Skinner, D., Stanworth, M., & Webster, A. (1996). *Introductory Sociology 3<sup>rd</sup>. Edition*. Houndmills: Macmillan Press Ltd.
- Brunelle, M. (2005). Diglossia, Bilingualism, and the Revitalization of Written Eastern Cham. *Language Documentation & Conservation Vol. 2, No. 1 (June 2008)*, 28-46.
- Can D. Q. (2012). The mother language teaching program addressing the language, culture, and identity rights of the Cham minority in Ninh Thuan province, Vietnam. *Thesis Doc. of Phil. University Of Hawai'i At Mānoa*. (ProQuest LLC (2013) UMI 3569074).

- Clyne, M. (2003). *Dynamics of Language Contact: English and Immigrant Languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cowell, A. (2016). Language maintenance and revitalization. Dlm. Bonvillian, N. (Ed.). (2016). *The Routledge Handbook of Linguistic Anthropology* (hlm. 420-432). New York: Routledge.
- David, M K. (1996). Language Shift Among The Sinds of Malaysia. *Thesis Doc. Phil. Fac. Of Language and Linguistics Universiti Malaya*.
- Fasold, R. (1984). *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell Ltd.
- Farina So. (2013). Cham Muslims in Malaysia and Thailand: Then and Now. Dlm. *Encountering Asian New Horizon: Contesting and Negotiating in Fluid Transitions*. Papers by the 2012/2013 Asian Public Intellectuals (API) Fellows.
- Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa dan Farid Mat Zain. (2009). Struktur dan organisasi sosial orang Cam di Malaysia. *Jati, Vol. 14, (December 2009)*, 133-144.
- Finocchiaro, C. M. (2004). Language maintenance shift of a three generation Italian family in three migration countries: an international comparative study. *Thesis Doc. of Phil., Department of Linguistic and Applied Linguistics, The University of Melbourne*.
- Fishman, J.A. (1972). *The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society*. Rowly. Mass: Newbury House Publisher.
- Fishman, J.A. (1989). *Language and Ethnicity in Minority Sociolinguistic Perspective*. Philadelphia: Multilingual Matters Ltd.
- Fishman, J.A. (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon UK: Multilingual Matters.
- Haugen, E. (1972). The ecology of language. Dlm. Anwar S, Dil. (Ed.). (1972). *Essays by Einar Haugen* (hlm.325-339). Stanford: Stanford University Press.
- Himmelman, N.P. (2010). Language endangerment scenarios: A case study from Northern Central of Sulawesi. Dlm. Florey, M. (ed.). (2010). *Endangered Languages of Austronesia*. (hlm. 45-72). New York: Oxford University Press.
- Holmes, J. (2008). *An Introduction to Sociolinguistics 3<sup>rd</sup>. Edition*. London: Pearson Education Limited.
- Horton, P.B. & Hunt, C.L. (1984). *Sociology 6<sup>th</sup>. Edition*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- How, S.Y., Chan, S.H. & Ain Nadzimah Abdullah. (2015). Language vitality of Malaysian Languages and its relation to identity. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 15(2), June 2015*, 119-136.
- International Centre for Ethnic Studies. (1995). Minorities in Cambodia. Dlm. *Minority Rights Group International Report. 1995*.
- Kaori Ueki. (2011). Prosody and Intonation of Western Cham. *Thesis Doc. of Phil. Linguistic, University of Hawai'i at Manoa*. (ProQuest LLC. (2011) UMI 3475733)
- Kirchner, L.M. (2015). *Living on the margins: On the Status and Standing of Minorities and Indigenous Peoples in Cambodia*. Cambodia: Heinrich Boell Foundation.
- Kok-Thay Eng. (2013). From the Khmer Rouge to Hambali: Cham Identities in a Global Age. *Thesis Doc. of Phil. State University of New Jersey*.
- Kedrebeogo, G. (1995). Language Maintenance and Shift in Communities of Oral Tradition: The Case of The Sillanko of Burkina Faso (West Africa). *Thesis Doc. of Phil. in Linguistic, University of Illinois at Urbana-Champaign*. (UMI Number: 9624384).
- Lee, N.H & Way J.V. (2016). Assessing Levels of Endangerment in The Catalogue of Endangered Languages (ELCat) Using the Language Endangerment Index (LEI). *Language in Society Vol. 45 (2016)*, 271–292.
- Marger, M.N. (2006). *Race and Ethnic Relations: American and Global Perspectives 8<sup>th</sup>. Edition*. Belmont: Wadsworth Cengage Learning.

- Meybodi, M. M. (2014). Ethnic Language Maintenance: A Case Study of Second-Generation Iranian Americans In the Northeastern States. *Thesis* Master of Arts. The City University Of New York. (ProQuest LLC. (2014) UMI 1558001)
- Mohamad Zain Musa. (1992). Campa: Runtuhnya Sebuah Kerajaan Melayu. *Jebat* 20, 1992, 3-18.
- Mohammed Azlan Mis. (2010). Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 10(2) 2010*, 97-116.
- Noriah Mohamed dan Meriam Abdul Karim. (2005). Penggunaan bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu analisis domain. *Jurnal Bahasa Jilid 5, Bil. 1, 2005*, 1-42.
- Nor Hayati Sa'at. (2011). Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai: kajian kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia, Vol. 29, Supp. 1 (2011)*, 95-123.
- Ostler, N. (2011). Language maintenance, shift, and endangerment. Dlm. Mesthrie, R. (Ed.). (2011). *The Cambridge Handbook of Sociolinguistics*. (hlm. 315-334). Cambridge UK: Cambridge University Press.
- Paulston, C.B. (1994). *Linguistic Minorities in Multilingual Settings: Implications For Language Policies*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Potowski, J. (2013). Language maintenance and shift. Dlm. Bayley, R., Cameron, R., & Lucas, C. (2013). *The Oxford Handbook of Sociolinguistics*. DOI:10.1093/oxfordhb/9780199744084.013.0016
- Saidah Ismail. (2009). Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Komuniti Bugis. *Dissertation* M.M.L.S Universiti Malaya.
- Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat Orang Asli Chewong. *Jurnal Melayu Jilid 12(1), Jun 2014*, 32-43.
- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of Communication: An Introduction* Third edition. USA: Blackwell Publishing Ltd.
- Sevinç, Y. (2016). Language maintenance and shift under pressure: Three generations of the Turkish immigrant community in Netherlands. *International Journal of the Sociology of Language, Vol 242 (2016)*, 81-117.
- Siti Nor. (2010). Kinship and Modernisation: An analysis of a Cham community of East Coast Peninsular Malaysia. *Thesis* Doc. of Phil., The University of Hull.
- Siti Nor Awang & Rahilah Omar. (2011). Sistem kekeluargaan dan persanakan masyarakat Cham dan masyarakat Bugis di Malaysia: Satu perbandingan. *Manusia dan Masyarakat. Vol. 20*.
- Tze-Ken, D. W. (2008). Research on Cham History in Malaysia. *Asean Research Trends Vol. 3, (2008)*, hlm. 25 - 44.
- UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages. (2003). *Language Vitality and Endangerment*. International Expert Meeting on UNESCO Programme Safeguarding of Endangered Languages: Paris.  
[http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CLT/pdf/Language\\_vitality\\_and\\_endangerment\\_EN.pdf](http://www.unesco.org/new/fileadmin/MULTIMEDIA/HQ/CLT/pdf/Language_vitality_and_endangerment_EN.pdf)
- Weinreich, U. (1953). *Language In Contact: Findings and Problems*. The Hague: Mouton Publishers.
- Westphal, A.R. (2012). New social architecture and the dilemma of culture in sustainable design: The case of the Cambodian Center for Cham Studies. *Thesis* Master of Science, The University of Minnesota.